



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 28 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	LKIM PERUNTUK RM1.5 JUTA BAIK PULIH 4 JETI, NASIONAL, BH -17 RM1.5 JUTA BAIK PULIH EMPAT JETI, LOKAL, HM -18 RM1.5 JUTA BAIK PULIH EMPAT JETI NELAYAN, NEGARA, KOSMO -16 RM1.5 JUTA BAIK PULIH EMPAT JETI NELAYAN, NEGERI PERAK, SH -29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	BERALIH ARAH JUAL SERUNDING PUYUH, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -20	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
6.	TINGKAT SUMBER IKAN DI HULU KELANTAN, KELANTAN, HARAKAH -N12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9.	NELAYAN GOTONG ROYONH BINA TUKUN, KELANTAN, HARAKAH -N12 KEMBALIKAN PENGURUSAN PADI BERAS KEPADA LPN SEPERTI DULU, NASIONAL, HARAKAH -N8 PRECISION FARMING IS THE FUTURE, LETTERS, NST -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

LKIM peruntuk RM1.5 juta baik pulih 4 jeti

Bukit Gantang: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan kira-kira RM1.5 juta untuk membaik pulih empat jeti di daerah ini bagi membantu nelayan setempat.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata kerja membaik pulih jeti yang terletak di Kampung Permatang Laut, Sungai Che Rahmat, Kampung Menteri dan Kampung Nibong itu dijangka siap pada penghujung tahun ini.

“Tender bagi melaksanakan kerja terbabit akan dikeluarkan awal bulan depan,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Tabung Anak Bukit Gantang 2020, di Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Trong, di sini semalam.

Pada majlis itu, beliau yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang menyerahkan bantuan daripada tabung berkenaan kepada 73 penerima dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Trong.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	18

RM1.5 juta baik pulih empat jeti

Bukit Gantang: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan RM1.5 juta untuk membaik pulih empat jeti di daerah ini bagi membantu nelayan setempat.

Pengerusinya Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kerja membaik pulih jeti di Kampung Permatang Laut, Sungai Che Rahmat, Kampung Menteri dan Kampung Nibong itu dijangka siap pada penghujung tahun ini.

“Tender bagi melaksanakan kerja itu dikeluarkan awal bulan depan,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Tabung Anak Bukit Gantang 2020 di Trong, semalam

Pada majlis itu, Syed Abu

Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang menyerahkan bantuan daripada tabung berkenaan kepada 73 penerima dari kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Trong.

Mengulas mengenai Laman Changkat Je-

ring, beliau

berkata, lokasi itu juga akan di-

baik pulih untuk di-

jadikan pusat pe-

ngumpulan hasil perika-

nan dan pertanian membabitkan kos RM2 juta selain mengelak-

kannya menjadi projek ‘gajah putih’.

“Kami berbincang dengan Majlis Perbandaran Taiping untuk menjayakan projek itu,” katanya.

- Bernama

“
Tender bagi
melaksanakan
kerja akan
dikeluarkan awal
bulan depan
Syed Abu Hussin
Hafiz

Pastikan keselamatan nelayan, pengguna terjamin

RM1.5 juta baik pulih empat jeti nelayan

Oleh WAT KAMAL ABAS

TAIPING – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperuntukkan kira-kira RM1.5 juta untuk membaik pulih empat jeti nelayan di daerah ini bagi memastikan keselamatan nelayan dan pengguna terjamin.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, empat jeti terlibat ialah jeti nelayan di Sungai Che Rahmat, Kampung Permatang Laut, Kampung Nibong dan Kampung Menteri.

"LKIM prihatin dengan kemudahan asas termasuk laluan di empat jeti berkenaan yang sudah uzur dan tidak lagi selamat digunakan.

"Kita akan mulakan kerja-kerja baik pulih awal Oktober ini dan dijangka siap pada penghujung tahun," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Bantuan Tabung Anak-anak Bukit Gantang inisiatif Parlimen Bukit Gantang di Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Trong di sini semalam.

Dalam perkembangan lain katanya, LKIM juga kini dalam peringkat perbincangan akhir dengan Majlis Daerah Taiping (MPT) bagi tujuan baik pulih dan membangunkan semula Laman Changkat Jering seperti dicadangkan sebelum ini.

Katanya, dataran perniagaan



JETI nelayan di Sungai Che Rahmat, Trong dekat Taiping akan dibaik pulih kerana terlalu uzur dan tidak selamat digunakan.

itu akan melalui proses naik taraf untuk dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran hasil marin dan pertanian.

"Peruntukan sebanyak RM2 juta sudah disediakan dan kita hanya menunggu persetujuan dan syarat MPT bagi membolehkan kerja-kerja naik taraf dimulakan," ujarnya.

Ahli Parlimen Bukit Gantang itu juga menyasarkan untuk membuka sebanyak 500 akaun tabung anak-anak Bukit Gantang yang memabitkan peruntukan

sebanyak RM50,000.

Menurutnya, deposit awal sebanyak RM100 telah disumbangkan ke setiap akaun sebagai galakan ibu bapa memulakan simpanan secara khusus untuk pendidikan anak mereka pada masa depan.

"Sebanyak 73 akaun telah dibuka bagi fasa pertama yang melibatkan penduduk di Dewan Undangan Negeri Trong.

"Sekiranya akaun ini aktif, kita akan tambah RM100 setiap tahun dalam akaun itu," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2020	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	29

RM1.5 juta baik pulih empat jeti nelayan

Syed Abu Hussin menyempurnakan gimik perasmian Bantuan Tabung Anak-anak Bukit Gantang Intensif Parlimen Bukit Gantang di Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Trong di sini semalam.



LKIM lulus peruntukan melibatkan jeti yang sudah uzur dan tidak selamat digunakan

Oleh NORMAWATI ADNAN

BUKIT GANTANG

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyalurkan peruntukan kira-kira RM1.5 juta untuk membaik pulih empat jeti nelayan di kawasan Parlimen Bukit Gantang bagi memastikan keselamatan pengguna terjamin.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, empat jeti terlibat ialah jeti nelayan di Sungai Che Rahmat, Kampung Permatang Laut, Kampung Nibong dan Kampung Menteri yang sudah

uzur dan tidak selamat digunakan.

“Kerja-kerja pembaikan bermula bulan hadapan dan dijangka siap paling awal hujung tahun ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bantuan Tabung Anak-anak Bukit Gantang Intensif Parlimen Bukit Gantang di Dewan Serbaguna Sungai Kerang, Trong di sini semalam.

Dalam perkembangan lain katanya, LKIM juga kini dalam peringkat perbincangan akhir dengan Majlis Daerah Taiping (MPT) bagi tujuan baik pulih dan membangunkan semula Laman Changkat Jering seperti dicadangkan sebelum ini.

Katanya, dataran perniagaan itu akan melalui proses naik taraf untuk dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran hasil marin dan pertanian.

“Peruntukan sebanyak RM2 juta sudah disediakan dan kita hanya menunggu persetujuan

dan syarat MPT bagi membolehkan kerja-kerja naik taraf bermula,” katanya.

Sementara itu, Syed Abu Hussin yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang menyasarkan untuk membuka sekurang-kurangnya 500 akaun tabung anak-anak Bukit Gantang memabatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM50,000.

Menurutnya, deposit awal sebanyak RM100 telah disumbangkan ke setiap akaun sebagai galakan kepada ibu bapa memulakan simpanan khususnya bagi tujuan pendidikan anak-anak.

“Bagi fasa pertama, sebanyak 73 akaun melibatkan pengundi di DUN Trong telah dibuka dan kita nasihatkan ibu bapa supaya tidak mengeluarkan simpanah ini.

“Hasrat kita sekiranya akaun ini terus aktif, kita akan tambah RM100 lagi setiap tahun ke dalam setiap akaun,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2020	SINAR HARIAN	WARNA-WARNI KEHIDUPAN	20

Beralih arah jual serunding puyuh

TANAH MERAH - Penularan pandemik koronavirus (Covid-19) yang menjejaskan pendapatan banyak pihak termasuk pengusaha burung puyuh di Kelantan, memaksa mereka mencari 'jalan keluar' bagi memastikan perniagaan terus terselamat dan tidak menanggung kerugian.

Pengusaha puyuh penelur, Abdul Khairan Firdaus Abdul Rahim, 38, berkata, beliau mengambil keputusan menghasilkan produk serunding berasaskan haiwan ternakan itu berikutan jualan telur puyuh merudum akibat Covid-19.

Ternakan burung puyuh miliknya di Kampung Tirok Gual Ipoh di sini yang kini berjumlah 3,000 ekor dapat menghasilkan sebanyak 15,000 biji telur sehari untuk pasaran tempatan.

"Saya terpaksa menyembelih hampir 20,000 burung puyuh ternakan saya. Ia menghasilkan sebanyak 5,000 kilogram (kg) daging puyuh.

"Kemudian, saya berjumpa kenalan di Tumpat yang mempunyai syarikat menghasilkan produk serunding untuk mendapat kerjasama menghasilkan serunding puyuh," katanya di sini kelmarin.

Beliau berkata, daripada 5,000kg daging puyuh yang disembelih itu, ia dapat menghasilkan sebanyak 500kg serunding puyuh.

Abdul Khairan Firdaus yang mengusahakan ternakan burung puyuh sejak tahun 2015 berkata, kini secara purata sebanyak 500kg serunding puyuh seminggu dapat dihasilkan dan beliau mampu meraih hasil jualan mencecah kira-kira RM40,000 sebulan.

Beliau yang turut mendapat bimbingan keusahawanan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang Kawasan Tanah Merah memasarkan serunding tersebut secara runcit dan borong di pasaran tempatan.

- Bernama



Abdul Khairan Firdaus menunjukkan produk serunding puyuh keluaran syarikatnya di Kampung Tirok Gual Ipoh, Tanah Merah.

Penduduk setinggalan dapat rumah PPR

KOTA BHARU: Tohmahan segelintir pihak yang mendakwa Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menzalimi penduduk setinggalan di Seksyen 5 Jalan Atas Paloh ternyata tersasat jauh.

Sebaliknya penduduk setinggalan terbahit ditawarkan menduduki Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Kelochor.

Sehingga sekarang 31 keluarga sudah berpindah ke PPR tersebut manakala lima keluarga lagi

dalam proses perpindahan.

Menurut PKINK 16 keluarga lagi dalam peringkat rayuan setelah permohonan pertama mereka gagal kerana tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan kerajaan.

"PKINK menafikan pihaknya menzalimi penduduk di kawasan setinggalan di kawasan tersebut.

"Dakwaan dalam video yang ditular bahawa PKINK menzalimi penduduk tidak benar kerana ruang perbincangan diadakan

dan tempat kediaman juga diberi," katanya pada satu kenyataan di sini.

Baru-baru ini tular beberapa penduduk yang mendakwa PKINK menzalimi penduduk setinggalan di kawasan berkenaan dan hanya membayar pampasan sebanyak RM500. Menurut PKINK sebanyak 53 keluarga mendiami dan menyewa premis di tanah milik agensi tersebut.

Katanya hasil perbincangan dibuat 52 keluarga penduduk bersejajir berpindah dan mereka ditawarkan rumah PPR.

"PKINK mengadakan beberapa siri perbincangan dengan penduduk terlibat sebelum mengeluarkan notis supaya mengosongkan premis sebelum atau pada 29 Februari 2020.

"Notis pengosongan kali kedua dikeluarkan 23 Julai 2020. Kerja-kerja pembersihan tanah dilakukan bermula 2 September lepas," katanya.

Menurutnya juga sehingga sekarang PKINK hanya meroboh 31 premis yang dibina tanpa kebenaran setelah mendapat persetujuan bertulis daripada penduduk yang terlibat. Selain itu PKINK membayar ex gratia sebanyak RM1,000 kepada setiap keluarga terbahit secara berperingkat.

"Bayaran RM500 dibuat sebelum berpindah dan baki RM500 dibayar setelah selesai berpindah," ujarnya.



Penghuni rumah setinggalan di Atas Patch ditawarkan rumah PPR.

Nelayan gotong royong bina tukun

Oleh ZULKIFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Sekumpulan nelayan membina tukun bagi menambah sumber pembiaikan ikan yang semakin pupus di Laut Cina Selatan.

Ketua Jaringan Perikanan Pasir Puteh Mohd Rosdi Mat, 48 berkata, lebih 2,000 pokok gelang dan celagi dibawa menggunakan tujuh bot untuk ditenggelamkan di kawasan 6 hingga 8 batu nautika dari Muara Tok Bai.

Katanya, tukun itu tidak termasuk buluh dan batu yang diperlukan bagi tujuan tersebut.

"Seramai 28 nelayan Tok Bai melaksanakan usaha itu secara gotong-royong," katanya ketika ditemui di Pangkalan Pak Da Mat, Tok Bai baru-baru ini.

Menurutnya juga tukun yang dibina dua tahun lepas sudah lupus menyebabkan ikan dari

spesies selar, kerogen dan lecet tidak dapat memblak sehingga menjejaskan pendapatan nelayan tradisional.

Kata beliau pihaknya membekalkan RM13,500, bagi menyediakan tukun tersebut di mara RM10,000 daripadanya disumbangkan Jabatan Perikanan Kelantan.

Seorang nelayan Azni Ibrahim, 41 berkata, pembinaan tukun berkenaan memberi peluang kepada nelayan menambah pendapatan bagi menyara keluarga.

"Pendapatan antara RM1,000 hingga RM1,500 sebulan sekarang tidak lagi berbaloi untuk menampung perbelanjaan keluarga yang semakin meningkat," katanya.

Menurutnya juga pertambahan sumber ikan akan mendorong lebih ramai golongan belia mencari rezeki sebagai nelayan pantai.



Bot usang milik nelayan ditenggelamkan untuk dijadikan tukun.

Tingkat sumber ikan di hulu Kelantan

Oleh MIJIE YUSOFF

KUALA KRAI: Jabatan Perikanan Kelantan berusaha meningkatkan lagi sumber ikan di sungai-sungai utama di jajahan tersebut.

Pada 19 September lepas 5,000 ekor anak ikan patin dilepaskan di Sungai Galas berhampiran Kampung Bahagia.

Pelepasan benih ikan tersebut dilakukan Ahli Parlimen Kuala Krai Ustaz Abdul Latiff Abdul Rahman dan Adun Guchil Hilmi Abdullah sempena program Berakdt Hari Malaysia.

Dan baru-baru ini sebanyak 16,000 benih anak ikan dilepaskan di Sungai Lebir di Kampung Gajah, Manek Urai.

Adun Manek Urai Mohd Fauzi Abdullah berkata, benih anak ikan yang dilepas iaitu 1,000 ikan kelah, 7,000 ikan Lampiran Sungai dan 8,000 ekor ikan Krai Kuruyit.

Katanya, program tersebut diharapkan dapat menjana pendapatan penduduk tempatan yang mencari rezeki dengan menangkap ikan.

"Jangan pula ada dalam kalangan penduduk yang mengambil

jalan mudah dengan menjalakan aktiviti menuba ikan," katanya pada program tersebut.

Program berkenaan dianjurkan Jabatan Perikanan Kelantan dengan kerjasama Majlis Tindakan Dun Manek Urai dan Komuniti Nelayan Darat.

Wakil Pengarah Perikanan Kelantan Ramzan Rohim berkata, perlepasan benih ikan bertujuan

meningkatkan sumber perikanan setempat.

"Ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran komuniti betapa penting sumber perikanan untuk generasi akan datang," ujarnya.

Turut hadir Penolong Pegawai Perikanan Kuala Krai Mohd Hazizi Ismail, penghulu-penghulu Dun Manek Urai dan wakil Komuniti Nelayan Darat.



Mohd Fauzi Abdullah melepaskan benih ikan di Sungai Lebir.

Pihak berkuasa serius tangani kes dadah

KOTA BHARU: Rampasan kes dadah di Kelantan begitu tinggi memandangkan kekrapan operasi dan kesungguhan pihak berkuasa menangani jenayah tersebut.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah berkata, jumlah yang besar itu tidak mencerminkan rakyat Kelantan ramai menagih dadah.

Katanya, Kelantan menjadi sebagai tempat transit sebelum dadah dibawa ke negeri-negeri lain.

"Kita sedar ada juga rakyat Kelantan menagih cuma sebahagian besar dadah tersebut dibawa masuk untuk dihantar ke negeri-negeri lain," ujarnya di sini.

Menurutnya juga operasi bersepadu pasukan keselamatan sedang diadakan di negeri itu khususnya di kawasan sempadan.

Kata beliau pihak polis sekarang memberi fokus terhadap pengedaran dadah di Kelantan kerana kedudukannya bersempadan dengan negara jiran.

"Mengikuti maklumat yang diperolehi, dadah banyak dibawa masuk melalui laut dan sukar dikawal.

"Kerajaan negeri bimbang perkembangan itu. Kita juga mengadakan kerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

"Kita juga meminta laporan daripada pihak polis berkaitan kes dadah atau jenayah lain," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap ibu bapa dan anggota masyarakat sentiasa mengawasi anak-anak bagi mengelak terjejak dengan gejala tersebut.

Katanya, masyarakat juga perlu memandang serius perkara itu dengan mengambil tanggungjawab bersama.

Kembalikan pengurusan padi beras kepada LPN seperti dulu

OHAN AZIZ MUDA

MENTERI Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) pada persidangan Dewan Rakyat baru-baru ini telah menegaskan bahawa status bekalan makanan di negara ini ketika Covid-19 berada di tahap yang baik.

Namun bagi rakyat, maklumat tersebut pasti tidak akan berhenti sekadar itu. Malah, rakyat juga pasti ingin tahu lebih lanjut mengenai perancangan kerajaan dari segi jangka pendek dan jangka panjang berhubung dengan sekuriti atau keselamatan makanan di negara ini.

Justeru, persidangan Dewan Negara yang berlangsung pada 3 September lalu sememangnya cukup menarik kepada seluruh rakyat negara ini. Senator Ustaz Idris Ahmad turut menyenut perkara itu di dalam ucapannya untuk pertimbangan kerajaan bagi kepentingan rakyat.

Kadar import makanan Malaysia kini melebihi RM50 billion setahun. Sedangkan negara ini luas tinggal di kampung-kampung banyak hasil-hasil pertanian yang boleh ditanam sendiri. Kalau di peringkat lebih luas lagi, Malaysia sememangnya mempunyai tanah yang luas.

Persoalannya, kenapa Malaysia masih lagi mengimport makanan, sehingga menyebabkan berlaku pengaliran wang Malaysia ke negara-negara lain akibat terpaksa mendapatkan bekalan makanan dari negara luar.

Berucap ketika mengambil ba-

global yang bukan sahaja berlaku di negara kita, ia berlaku di seluruh dunia. Cuba bayangkan kalau waktu itu berlaku berterusan, mereka sudah tentulah akan utamakan makanan untuk rakyat mereka dulu. Mereka tidak akan elyport. Macam kita juga kita akan utamakan rakyat kita dulu," katanya.

Waktu itu, wang tidak ada eritnya bagi rakyat negara ini. Duit banyak, tetapi tidak ada eritnya bagi rakyat Malaysia ketika itu. Apabila Allah Taala menarik nikmat makan berterusan baru-baru ini, dalam keadaan kita tidak mempunyai sumber makanan dan negara-negara yang kita hendak import makanan pula dilanda Covid-19 kerana ia adalah fenomena global.

"Cuba bayangkan kalau waktu itu, kita orang Malaysia ini, saya boleh tidak makan nasi tiga hari sahaja. Maknanya boleh tidak makan nasi tiga hari. Maknanya, kita boleh makan roti, makan mi boleh, tetapi masuk hari keempat tidak boleh," tegasnya.

Tahap sara diri

Menurunkan ucapannya, Ustaz Idris turut merujuk kepada jawapan yang diberikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) pada persidangan Dewan

itu lagi, berkenaan dengan tahap sara diri pengeluaran padi

di negara ini pada tahun 2019 sebanyak 69 peratus, meningkat selingka 72 peratus pada tahun 2020 dan meletakkan target tahap sara diri pada tahun 2025 pada kadar 75 peratus.

Itu ialah pada tahun 2025, Lima tahun lagi. Dahulu menjelang tahun 2020 pernah disebut juga oleh pihak kerajaan yang meletakkan target tahap sara diri pada kadar 100 peratus menjelang tahun 2020.

Menurut Ustaz Idris, sepatutnya pada tahun 2020, target tahap sara diri pada kadar 100 peratus itu sudah tercapai, tetapi kini hanya mencapai 72 peratus sahaja.

Pada tahun 1994, sesuai dengan Dasar Penawastanaan Negara, Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971 (Akta 47) telah digantikan dengan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 52). Demikian itu, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang diwujudkan pada tahun 1971 dibubarkan dan digantikan dengan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Perbas) pada tahun 1996.

Jika dilihat kembali kepada dasar perancangan daripada pihak kerajaan suatu ketika dahulu, Polisi Pertanian Kebangsaan Keti pada tahun 1998 telah meletakkan target 86 peratus menjelang tahun 2010 untuk kadar tahap sara diri pengeluaran padi.

"Jadi, sebab itu kita lihat pengeluaran terbah negara kita dalam pengaliran padi ini pada tahun 1980 pada kadar 92 peratus. Waktu itu diuruskan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Kita itu kita lihat banyak kilang-

kilang bumphutera.

"Pada tahun 1972, terdapat 110 kilang padi bumphutera. Akan tetapi tahun 2016, ia menurun, kilang bumphutera hanya tinggal 24 buah sahaja. Tahun 1972 ada 110 buah dan tahun 2016, kilang bumphutera hanya ada 24 buah," ujarnya.

Sepatutnya, kata Ustaz Idris, apabila Dasar Penawastanaan dan sebagainya, pertama, untuk efisien dan kedua, untuk mengurangkan kadar pengurusan kewangan negara, tetapi dalam soal yang strategik itu, ia didapati tidak boleh dilepaskan untuk ditentukan kepada negara lain.

Perkara itu sepatutnya diambil alih oleh pihak kerajaan. Ketika pengurusan padi berada di bawah LPN dulu, semua itu sudah berjalan dengan baik, terutama soal keselamatan. Makanan merupakan benda penting. Kerajaan tidak boleh bertolak ansur dan berkompromi dalam perkara yang berhubung dengan makanan terutama soal beras.

"Kalau kita ada beras macam kita dok bagi, saya dok turun kampung-kampung, kita beri beras. Insya-Allah, yang lain itu dia boleh ambil benda-benda lain. Akan tetapi kalau tidak ada beras, dia tidak boleh makan sayur sahaja. Bukan macam kita ini vegetarian sahaja ataupun makan epal malam-malam.

"Tak boleh. Mesti makan beras. Sebab itu saya tidak berterujual. Sebab itu kita minta supaya soal ini tidak boleh dikomersialkan ataupun diberi kepada pihak lain untuk uruskan," tegasnya.

AGRICULTURE

Precision farming is the future

WE are familiar with rice, oil palm, rubber and durian. Rubber is grown for rubber latex, which finds wide use in thousands of products that have served us all well.

Lately, rubber gloves, in high demand due to the pandemic, have emerged as a big money-maker. The export of rubberwood furniture has earned big bucks for the country. One estimate has put the income from rubberwood furniture as more than RM10 billion.

The oil palm is the nation's golden crop, bringing in around RM80 billion each year. Although about 80 per cent of palm oil end up as food, a significant 20 per cent drive the growing oleochemicals market. With the world's growing preference for renewable chemicals, it is only a matter of time before palm-based chemicals replaced fossil-based petrochemicals.

Rice is a staple food. Many cannot go without rice at least once a day. In Kelantan and Kedah, the two major rice-growing states, it is common to see people taking rice for breakfast, lunch and dinner. That explains why rice is at the top of the food security agenda. Despite attempts to be self-sufficient in rice production, we have achieved only a 70 per cent capacity.

Durian, especially Musang King, is the new agricultural sensation. Lately, there has been a scramble to produce Musang King to meet export demands of countries like China. Consumers in the West have yet to develop a liking for the heavenly taste of durian. Many believe once the durian craze hits the West, it may even overtake palm oil as the new darling of the nation's agriculture economy.

There is no denying the important role of agriculture in fuelling global business. At the same time, agricul-

ture is not free from challenges that threaten its sustained growth. A major challenge concerns the rising global demand for food as the world population inches upward, approaching eight billion.

As the world economies continue to witness encouraging growth, the improved purchasing power of the people has led to rise in the per capita demand for food. Such escalation in demand has put pressures on world agriculture to improve its productivity.

While the world witnesses a booming in the global food demand, agriculture faces another challenge of securing land to grow the crops. An increase in greenhouse gases has created challenges as world agriculture strives to expand production.

There has also been concern raised by civil societies about the negative impact of agriculture on the environ-



Rice tops the nation's food security agenda. FILE PIC

ment. This further rattles the world agriculture, where the pressures for drastic change in the traditional agricultural practices have been growing.

Questions have been raised about the inefficient and potentially damaging practices of fertilisation and pest management in agriculture. The processing of agricultural products has come under criticism because of the wastes and residues, which, if left untreated, can be polluting.

Labour, especially shortages, is another growing concern. It has been reported that oil palm plantations in Malaysia face an acute labour short-

age, which has left many palm fruits unharvested, negating efforts to increase productivity.

With the advent of urban agriculture, where management control is more technology-driven, a global rise in precision farming will soon be inevitable worldwide. Many are convinced that no agriculture sector will be spared from Industrial Revolution 4.0 technologies.

PROFESSOR DATUK DR AHMAD IBRAHIM

Fellow, Academy of Science, UCSI University